



Rujukan Kami : PWN.Sel.(A) 294 Jld.9 (1)
Tarikh : 13 Januari 2022

Seperti Senarai Edaran Di Lampiran

YBhg. Dato'/ Tuan

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI (AMMKN), AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR (ADN) DAN AHLI PARLIMEN

- PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI PERKARA 6.1(iv) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT BAGI PROGRAM PASCA BANJIR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berikutan bencana banjir yang melanda Negeri Selangor pada 18 Disember 2021 yang lalu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 2/2022 yang bersidang pada 12 Januari 2022 telah menimbang dan bersetuju agar penggunaan peruntukan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri (ADN) di bawah kategori program/aktiviti Mesra Rakyat diperluaskan penggunaannya kepada sumbangan kepada mangsa banjir dan kerja-kerja pembaikan pasca banjir bagi memberi sokongan tambahan kepada keluarga yang terjejas.

3. Pelaksanaan **sumbangan kepada mangsa banjir** boleh dibuat secara pemberian keperluan asas meliputi makanan dan keperluan asas lain kecuali rokok dan minuman beralkohol; manakala pemberian untuk **kerja-kerja pembaikan pasca banjir** adalah tertakluk kepada pertimbangan AMMKN, ADN dan Ahli Parlimen terhad kepada RM1,000 satu keluarga. Perolehan bagi pemberian keperluan asas boleh dilaksanakan secara pembelian terus dengan nilai dan had penggunaan seperti JADUAL 1.

4. Peluasan penggunaan bagi Program Pasca Banjir ini adalah **tidak terhad** kepada kawasan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri (ADN), dan Ahli Parlimen sedia ada. Justeru, **pelaporan** penggunaan peruntukan perlulah disokong dengan justifikasi penggunaan dan pelaporan lengkap kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) selaku Pegawai Pengawal.

JADUAL 1: Pengecualian Had Perolehan

Bil	Kategori	Pekeliling	Had Penggunaan Maksimum (RM)	Had Nilai Setiap Perolehan (RM)
1.	AMMKN, Speaker, ADN	PPNS Bil.1/2019	50,000.00	30,000.00
2.	Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Negeri		50,000.00	30,000.00
3.	Ahli Parlimen	PPNS Bil.3/2017	30,000.00	10,000.00

5. Sehubungan itu, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) boleh membuat penyaluran terus dari akaun Peruntukan AMMKN, ADN, Pegawai Penyelaras dan Ahli Parlimen di bawah seliaan PDT masing-masing serta-merta selaras dengan tarikh surat arahan ini. PDT juga perlu memantau dan memastikan penggunaan peruntukan yang disalurkan adalah bagi tujuan yang telah diluluskan.

Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa


6. Pengecualian kaedah perolehan bekalan asas dengan had nilai ini hanya terpakai sehingga 28 Februari 2022. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.1/2019: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN dan ADN Selangor dan PPNS Bil.3/2017: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Parlimen Negeri Selangor.

7. Keprihatinan YBhg. Dato'/Tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A,M,P.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI (AMMKN), AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR (ADN) DAN AHLI PARLIMEN

- **PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI PERKARA 6.1(iv) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT BAGI PROGRAM PASCA BANJIR**
-

Salinan Kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

Edaran Dalaman:

- i. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- ii. Bendahari Negeri Selangor
- iii. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (B)

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI (AMMKN), AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR (ADN) DAN AHLI PARLIMEN

- **PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI PERKARA 6.1(iv) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT BAGI PROGRAM PASCA BANJIR**

SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 SHAH ALAM

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41902 KLANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat (Sungai Sedu)
42700 KUALA LANGAT

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
43650 BANDAR BARU BANGI

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI (AMMKN), AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR (ADN) DAN AHLI PARLIMEN

- **PELUASAN PENGGUNAAN SECARA SEMENTARA BAGI PERKARA 6.1(iv) PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT BAGI PROGRAM PASCA BANJIR**

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
45000 KUALA SELANGOR

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BAHARU

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR